



**KOLEJ
FELCRA**

TUGASAN

**KAEDAH PENILAIAN KANAK-KANAK
(AK1443)
KEMASUKAN MAY 2018**

ARAHAN KEPADA PELAJAR

1. Tugas ini mengandungi **TIGA (3)** soalan tuagasan sahaja yang disediakan dalam bahasa Melayu. Jawab dalam **bahasa Melayu**.
2. Tugas anda hendaklah ditaip dengan menggunakan saiz fon 12 Times New Roman dan langkau baris 1.5.
3. Tugas anda hendaklah tidak melebihi 13 halaman bercetak dan tidak kurang daripada 10 halaman bercetak tidak termasuk muka depan.
4. Anda dikehendaki menghantar tugas **SECARA BERSEMUKA** kepada pensyarah anda.
5. Tugas anda hendaklah diserahkan sebelum atau pada **MINGGU 6** sebelum jam 5 petang. Serahan **selepas itu**, **TIDAK** akan diterima.
6. Tugas hendaklah disiapkan secara individu. Anda dilarang meniru tugas orang lain. Anda juga dilarang sama sekali memplagiat kerja orang lain sebagai kerja sendiri.

SOALAN TUGASAN TUGASAN 1 (PASANGAN)

Bina satu tajuk kepada pensyarah awak untuk awak membuat penilaian terhadap kanak-kanak dan perlu direkodkan secara sistematik dan berturutan. Pelbagai reaksi kanak-kanak semasa menjalankan aktiviti individu atau secara berkumpulan didokumentasikan melalui pelbagai jenis alat taksiran atau rekod penilaian. Maklumat daripada rekod ini penting supaya tindakan seterusnya dapat dilakukan bagi menjamin kebajikan dan pencapaian positif kanak-kanak.

Daripada pemerhatian melalui tayangan video, anda dikehendaki membina satu rekod anekdot mengikut perkembangan kanak-kanak tersebut berdasarkan aspek yang dikehendaki oleh anda dan membuat penilaian terhadap video tersebut.

Penulisan **LAPORAN** ilmiah anda perlu merangkumi perkara di bawah:

- 1.0 Pengenalan
 - 2.0 Membina rekod anekdot berkaitan dengan tayangan video
 - 3.0 Menganalisis item dan membuat catatan
 - 4.0 Kesimpulan
- Rujukan
- Lampiran (Tayangan video)

Tugasan berpasangan perlu dihantar pada **minggu ke 5** dalam sesi perkuliahan hari khamis kepada pensyarah.

CARA MEMBUAT LAPORAN

1. Masukkan semua bahagian dari proposal :
 - a) Tukar cover page depan jadi laporan program
 - b) Tukar maklumat di bahagian pendahuluan/ pengenalan kepada perkara yang sudah berlaku.
 - c) Tukar maklumat yang sudah berubah seperti maklumat program, tentatif, aktiviti dan belanjawan.

2. Tambah maklumat lain seperti :
 - a) Laporan setiap bahagian (sebelum dan semasa aktiviti- tugas yang dijalankan serta masalah yang berlaku)
 - b) Maklumat pemerhatian (tunjuk guna draf dan mesti ada ayat penerangan)
 - c) Penutup- cerita secara keseluruhan program adakah berjaya atau tidak.

3. Buat lampiran dan mesti ada :
 - a) Masukkan gambar - letak 6 keping sahaja satu page
 - b) Semua minit mesyuarat dan resit-resit perbelanjaan serta surat-surat
 - c) Letakkan VCD (ada softcopy laporan penuh, gambar dan video)

SOALAN TUGASAN TUGASAN 2 (KUMPULAN)

Anda perlu memilih satu daripada tiga tingkah laku di bawah dan dikehendaki membuat kajian terhadap seorang kanak-kanak di taska berdasarkan kepada tingkah laku yang dipilih. Kemudian, anda diminta merekod tingkah laku tersebut sekurang-kurangnya sebanyak 3 kali dengan menggunakan rakaman video. Selain itu, anda juga diminta untuk menyediakan satu senarai semak yang akan digunakan semasa menjalankan kajian tersebut. Dapatan hasil kajian itu hendaklah dibentang dalam bentuk *slide power point* dan dilaporkan di dalam penulisan akademik.

- Tingkah laku semasa makan
- Tingkah laku bermain
- Tingkah laku semasa datang ke sekolah

Setiap ahli dalam kumpulan tersebut WAJIB terlibat dalam keseluruhan proses mencari maklumat, berbincang, menyediakan dan membentangkan tugas yang telah diberikan kepada kumpulan masing-masing. Prestasi atau pemberian markah tugas amat bergantung kepada fakta, ketepatan, kematangan idea, kesesuaian isi serta kreativiti dan keaslian.

tugas berkumpulan ini perlu dihantar pada minggu ke 8 dalam sesi perkuliahan.

Format Penyediaan Tugas

1. Hasil tugas perlu dipersembahkan dalam bentuk PENGLIBATAN di sekolah.
2. Laporan akhir dalam bentuk esei perlu dihantar pada minggu ke 8 dalam sesi perkuliahan. Tarikh akhir penghantaran tugas kumpulan adalah pada sesi perkuliahan.
3. Muka surat : 20 hingga 30 muka surat (termasuk isi kandungan, rujukan dan lampiran)
Tulisan : Arial @ Time New Roman
Saiz tulisan : 12
Spacing : 1.5
Perenggan : Justify
Muka surat : Buttom of page-middle.
4. Isi kandungan laporan
 - 1.0 Pengenalan
 - 1.1 Isu Semasa
 - 1.2 Sejarah bermula masalah yang dikaji
 - 1.3 Definisi
 - 2.0 isi
 - 2.1 punca/ penyebab masalah yang dikaji
 - 2.2 jenis/ kategori masalah yang dikaji
 - 2.3 ciri-ciri
 - 2.3.1 kognitif
 - 2.3.2 sosioemosi
 - 2.3.3 fizikal
 - 2.3.4 bahasa dan komunikasi
 - 2.3.5 kreativiti dan estetika
 - 2.3.6 kerohanian dan moral
 - 2.4 kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai
 - 2.5 rawatan
 - 2.6 persatuan/ organisasi/ pusat jagaan yang memperjuangkan hak golongan ini.
 - 3.0 penutup/ kesimpulan
 - Rujukan
 - Lampiran
5. Format muka hadapan tugas - rujuk LAMPIRAN

Cara penulisan rujukan

✓ Daripada buku :

Nama penulis. Tahun buku diterbitkan. Tajuk buku. Edisi. Tempat: penerbit

1. Richard Gargiulo (Ph.D), Jennifer L. Kilgo (Ed.D) (2014). An Introduction to Young Children with Special Needs: Birth Through Age Eight, 4th Edition. University of Alabama at Birmingham. Wadsworth Publishing Company.

✓ Daripada jurnal

Nama penulis. Tahun jurnal ditulis. Tajuk jurnal. Jenis jurnal(bilangan): muka surat. Laman web di mana jurnal diperoleh (tarikh peroleh jurnal).

1. Aminah Ahmad. 1996. Associations of Work-Family Conflict, Job Satisfaction, Family Satisfaction and Life satisfaction: A study of married female secretaries. *Pertanika journal sosial science & humanities* 4(2): 101-108.
-

SOALAN TUGASAN TUGASAN 3 (PASANGAN)

Setiap pelajar perlu mencari artikel yang mempunyai kajian terhadap kanak-kanak dan ringkaskan penggunaan bahan penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji tersebut terhadap murid-murid atau guru-guru di sekolah.

Maklumat untuk kajian ini boleh diperolehi melalui carian dimana-mana sumber akademik sama ada buku, jurnal, kisah benar/ kajian kes atau melalui laman sesawang yang sah.

Setiap ahli dalam kumpulan tersebut **WAJIB** terlibat dalam keseluruhan proses mencari maklumat, berbincang, menyediakan dan membentangkan tugas yang telah diberikan kepada kumpulan masing-masing. Prestasi atau pemberian markah tugas amat bergantung kepada fakta, ketepatan, kematangan idea, kesesuaian isi serta kreativiti dan keaslian.

PERINGATAN!!!

**SILA SIMPAN SEGALA TUGASAN
YANG ANDA BUAT DALAM EMAIL
KERANA IA LEBIH SELAMAT!
TIADAK AKAN ADA ISU LAPTOP
ANDA BERMASALAH DAN
SEBAGAINYA.**

**SEKIRANYA TIDAK BERBUAT
DEMIKIAN DAN BERLAKU
MASALAH, ANDA AKAN
DIGAGALKAN SUBJEK INI!!**